

03 MAR 1998

Anwar-Pembaharuan

KESEDIAAN LAKSANA PEMBAHARUAN BANTU MALAYSIA ATASI MASALAH EKONOMI

PETALING JAYA, 3 Mac (Bernama) -- Kesediaan Malaysia mengubah suai diri dan mengujudkan pembaharuan telah membolehkannya mengatasi masalah-masalah ekonomi sekarang, kata Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Sehingga kini, kita dapat menahan tekanan dan kesusahan selanjutnya tidak mencari bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), sebahagiannya kerana kita bersedia untuk menerima bahawa kita perlu melakukan pembaharuan, pengubahsuaian besar dan perubahan dasar, dan menerima kesusahan," katanya.

Menggulung Dialog Perkongsian Bijak dua hari, Anwar berkata ia memerlukan sikap rendah hati untuk mengakui bahawa langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki kedudukan ekonomi.

Untuk beberapa bulan yang lalu, ekonomi-ekonomi Asia dicemari di dalam masalah kewangan dan ekonomi yang timbul daripada penurunan nilai matawang mereka yang mendadak berbanding dolar AS.

Anwar memuji dialog itu sebagai langkah yang memberangsangkan dalam mencuba memahami isu-isu yang dihadapi negara-negara Asia sekarang.

Malaysia, katanya, telah mempelajari banyak dengan menerima bahawa terdapat kekurangan, sekatan-sekatan dan malahan kelemahan yang sedia ada di dalam sistemnya.

"Itu tidak bermakna bahawa kita perlu mengutuk diri sendiri kerana kita telah mencapai amat banyak kejayaan. Kita mengakui bahawa asas-asas kita agak kukuh tetapi pastinya tidak kebal."

Anwar juga mengulangi seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diwujudkan ketelusan lebih besar di dalam dagangan matawang.

Katanya: "Kita bercakap mengenai kawal seliaan perbankan, pendedahan sepenuhnya di dalam sistem perbankan dan ketelusan di dalam sistem antarabangsa. Kenapa kita tidak boleh mempunyai ketelusan dan pendedahan di dalam dagangan matawang?"

Anwar berkata semua perakuan daripada dialog dua hari itu akan dikemukakan kepada Dr Mahathir untuk pertimbangan beliau. -- BERNAMA

TEAM GC OS